

19/05/2003

Lagak kaya: Ingatan PM agar rakyat sedia berkorban

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menganggap amaran Perdana Menteri supaya rakyat tidak berlagak seperti orang kaya sehingga mendesak kerajaan menyediakan kemudahan sama seperti negara maju, sebagai ingatan untuk penduduk negara ini berkorban dan menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh menggugat ekonomi.

Malah, ramai yang berpendapat kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed itu, bertujuan menyedarkan rakyat supaya 'bangun' bekerja lebih keras untuk merancakkan kitaran ekonomi.

Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata nasihat

Perdana Menteri itu perlu di ambil perhatian supaya rakyat lebih bersedia

menghadapi sebarang kemungkinan membabitkan ekonomi negara.

Katanya, ia juga ingatan penting supaya rakyat meletakkan kepentingan negara melebihi keperluan diri sendiri.

"Pemuda Umno bersetuju dengan nasihat itu dan meminta rakyat memandang serius serta berkorban untuk negara. Inilah masa yang sesuai untuk kita berkorban dan ketepikan dulu permintaan yang boleh dikecualikan.

"Walaupun kini kita semua rasa senang, ia tidak bermakna kita boleh mengamalkan cara hidup seperti orang kaya. Rakyat perlu ukur baju di badan

sendiri," katanya mengulas nasihat Dr Mahathir pada perhimpunan Hari Pekerja, kelmarin.

Dr Mahathir meminta pekerja bekerja lebih kuat berbanding pekerja di negara maju kerana jika mereka tidak bekerja kuat, tidak akan ada pelaburan masuk ke negara ini dan ia akan merugikan semua pihak.

Perdana Menteri berkata negara belum maju lagi dan rakyat tidak boleh berlagak sebagai rakyat di negara maju, sebaliknya berlagak sebagai orang

yang belum maju, tidak mendesak atau menuntut lebih daripada yang mampu diberi oleh kerajaan.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak

menganggap kenyataan Perdana Menteri itu ditujukan kepada majikan yang tidak mahu bertolak ansur kepada pekerja.

Beliau percaya nasihat itu tidak ditujukan kepada ahli MTUC dan pekerja

kerana golongan pekerja sudah terlalu banyak berkorban untuk kepentingan negara, termasuk tidak menerima bonus dan kenaikan gaji sejak krisis ekonomi pada 1997.

"Pekerja negara ini masih tetap bekerja keras dan terus menjalankan tanggungjawab masing-masing, jadi tidak timbul pekerja meminta melebihi keperluan negara.

"Permintaan pekerja adalah berdasarkan perkembangan semasa dalam negara.

Kita tahu kemampuan kerajaan, itu sebab kita hanya minta ditimbang had

gaji minimum RM900 sebulan iaitu melebihi paras pendapatan rakyat miskin

RM500 sebulan," katanya.

Dalam hal ini, katanya, majikan perlu mengambil perhatian kenyataan Perdana Menteri dan menghargai kerja keras pekerja dengan memberi kenaikan gaji, bonus dan insentif lain.

Timbalan Presiden MTUC, Mohamed Shafie BP Mammal yang juga Presiden Persatuan Pekerja Telekom Malaysia (Nute) bagaimanapun memberi pandangan berbeza dengan Zainal.

Beliau menganggap kenyataan Perdana Menteri itu sebagai peringatan kepada pekerja supaya berkorban kepada negara dengan tidak mengemukakan permintaan yang tidak mampu diberikan kerajaan.

Katanya, Nute mengalu-alukan nasihat Perdana Menteri itu kerana ada pemimpin pekerja yang lebih mementingkan hak individu berbanding kepentingan rakyat dan negara.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata nasihat Perdana Menteri perlu di ambil kira supaya rakyat tidak lupa daratan.

Katanya, nasihat itu juga meminta rakyat berjimat cermat serta bersedia menghadapi kemungkinan berlakunya kemerosotan ekonomi selepas peperangan di Iraq.

"Rakyat boleh meminta kepada kerajaan tetapi ia perlu sesuai dengan keadaan semasa dan mempunyai alasan kukuh. Inilah masa yang sesuai untuk rakyat berkorban dengan tidak meminta kemudahan setaraf negara maju.

"Rakyat perlu ingat bahawa negara belum mencapai negara maju. Oleh itu jangan buat permintaan yang bukan-bukan. Untuk memastikan kita dapat kemudahan yang setaraf negara maju kita kena kerja keras seperti rakyat Korea, Jepun dan Jerman," katanya.